

PRINSIP-PRINSIP *ARAM* BERDASARKAN
TIRUKKURAL DALAM ANTOLOGI
CERPEN PĀVAI

SARASWATHY A/P KUTHIRAKKAL KUNHIKANNAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

**PRINSIP-PRINSIP *ARAM* BERDASARKAN TIRUKKURAL
DALAM ANTOLOGI CERPEN PĀVAI**

SARASWATHY A/P KUTHIRAKKAL KUNHIKANNAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**


Perakuan ini telah dibuat pada⁹.....⁹.....²⁵ (hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Saraswathy A/P Kuthirakkal Kunhikannan, M20171000944, FakulimBahasa dan Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

Prinsip-Prinsip *Aram* Berdasarkan Tirukkural Dalam Antologi Cerpen Pāvai

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Profesor Madya Dr. Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____
Prinsip-Prinsip *Aram* Berdasarkan Tirukkural Dalam Antologi Cerpen Pāvai

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh


Tandatangan Penyelia
Assoc.Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Prinsip-Prinsip *Ayam* Berdasarkan Tirukkuḡal Dalam Antologi Cerpen Pāvai

No. Matrik / Matric's No.: M20171000944

Saya / I : Saraswathy A/P Kuthirakkal Kunhikannan
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Assoc.Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.P. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan yang Maha Kuasa yang mengurniakan kesihatan yang baik, masa yang berkat, serta fikiran yang matang lagi tenang buat saya dalam menyempurnakan penyelidikan peringkat Sarjana ini seperti yang di rancang. Sekalung penghargaan yang tidak terhingga didedikasikan kepada Dr. Manonmani Annamalai selaku penyelia, pendidik yang tidak pernah letih serta selalu memberikan semangat kepada diri saya dalam menjayakan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih di atas segala cetusan idea, bimbingan, cadangan serta pandangan yang telah dititipkan. Dengan segala kerendahan hati, saya juga ingin menyampaikan budi penghargaan teristimewa dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua ahli keluarga saya yang tercinta.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan meneliti kekuatan prinsip *aram* (kebenaran) daripada *Tirukkural* dalam antologi cerpen oleh *Pāvai* yang bertajuk *Tiravi*. Pendekatan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kaedah analisis teks yang berasaskan teori Deontologi Immanuel Kant. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dua belas nilai *aram* daripada *Tirukkural* dapat dikenal pasti dalam dua puluh tujuh cerpen yang dianalisis. Dari segi penyisipan *aram* daripada *Tirukkural*, dua belas cerpen *Pāvai* telah berjaya menggabungkan nilai *aram* ke dalam cerita mereka. Dari aspek kekuatan *aram*, didapati bahawa sembilan daripada dua puluh tujuh cerpen yang dikaji menunjukkan unsur yang baik dalam menyokong plot cerita pendek *Pāvai*. Berdasarkan dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa penulis cerpen telah berjaya memasukkan nilai *aram* daripada *Tirukkural* dalam antologi cerpen beliau yang bertajuk *Tiravi*. Hasil kajian ini juga dapat meningkatkan pemahaman para penggemar sastera bahawa pengaplikasian *Tirukkural* dalam cerpen Tamil merupakan pendekatan yang berkesan untuk menyampaikan mesej kepada pembaca. Implikasi kajian ini adalah untuk meningkatkan kesedaran, pemahaman dan penghargaan dalam kalangan pembaca dan penulis cerpen terhadap peranan *aram* daripada *Tirukkural* dalam cerpen Tamil Malaysia.

THE PRINCIPLES OF *ARAM* USED ON TIRUKKURAL IN THE SHORT STORY ANTHOLOGY PĀVAI

ABSTRACT

This study aims to identify, analyze, and examine the strength of the principles of *aram* (truth) from Tirukkural in the short story anthology by Pavaï titled '*Tiravi*'. A qualitative approach, namely library research methods and text analysis methods based on Immanuel Kant's Deontological theory, was used to conduct this study. The findings of this study show that twelve *aram* from Tirukkural can be identified in the twenty seven short stories analyzed. In terms of the insertion of *aram* from Tirukkural, twelve of Pāvai short stories have successfully incorporated *aram* from Tirukkural into their stories. In terms of the strength of *aram* from Tirukkural, it was found that nine stories out of the twentyseven stories studied showed good strength in supporting the plot of Pāvai short stories. Based on the findings it can be concluded that Pāvai short story writer successfully presented *aram* from Tirukkural in her short story anthology titled '*Tiravi*'. The results of this study are also capable of enhancing the understanding of literature enthusiasts, showing that the use of the Tirukkural in Tamil short stories is an effective approach to conveying a message to readers. The implication of this study is to increase awareness, understanding, appreciation among readers and short story writers regarding the role of *aram* from Tirukkural in Malaysian Tamil short stories.

KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	6
1.2.1 <i>Tirukkural</i>	8
1.2.2 Sejarah perkembangan cerpen	11
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Soalan Kajian	20
1.6 Definisi Operasional	20
1.6.1 <i>Tirukkural</i>	21

1.6.2	Cerpen	23
1.6.3	<i>Aram</i>	25
1.7	Batasan Kajian	27
1.8	Kepentingan Kajian	28
1.9	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Sejarah Perkembangan Cerpen	32
2.2.1	Perkembangan Cerpen di Negara Barat	32
2.2.2	Perkembangan Cerpen Tamil di Tamil Nadu	33
2.2.3	Perkembangan Cerpen Tamil Malaysia	34
2.2.4	Kajian - kajian lepas berkaitan Cerpen	39
2.3	Kajian-Kajian Lepas berdasarkan <i>Tirukkural</i>	55
2.4	Penglibatan Pāvai dalam bidang penulisan	75
2.5	Senarai antologi cerpen Pāvai	79
2.6	Sinopsis antologi cerpen Pāvai	81
2.6.1	<i>அந்திம தவங்கள்</i> / Antima tavaṅkaḷ / Penantian Terakhir	81
2.6.2	<i>மாயை</i> /Māyai / Ilusi	82
2.6.3	<i>கனவுக்குக் காத்திருப்பவன்</i> /Kaṇavukkuk kättiruppavaṅ / Yang menanti impian	82
2.6.4	<i>மரணத்தின் ஜனனம்</i> /Marañattiṅ jaṇaṇam/ Kelahiran kematian	83
2.6.5	<i>விளையாட்டு</i> / Viḷaiyāṭṭu / Permainan	84

- 2.6.6 வீடு / Vīṭu / Rumah 85
- 2.6.7 தனித்தனியாய் மனிதர்கள் / Taṇittaniyāy maṇitarkaḷ / Manusia secara individu 86
- 2.6.8 துரைசாமியும் தொலைக்காட்சி அலைவரிசையும் / Turaicāmiyum tolaikkāṭci alaivaricaiyum / Duraisamy dan Saluran TV 86
- 2.6.9 தன்னையும் அறியும் தருணங்கள் / Taṇṇaiyum ariyum taruṇaṅkaḷ/ Detik-detik mengenali diri sendiri 87
- 2.6.10 கருவாட்டுச் சந்தையும் ரோஜா மலர்களும் / Karuvāṭṭuc cantaiyum rōjā malarkaḷum / Pasar ikan kering dan bunga ros 88
- 2.6.11 கடல் தாண்டும் அலைகள் /!Kaṭal tāṇṭum alaikaḷ!/ Gelombang melintasi lautan! 89
- 2.6.12 மாய பிம்பங்கள் / Māya pimpaṅkaḷ / Imej ajaib 90
- 2.6.13 கதாசிரியனும் காலதேவனும் / Katāciriyaṇum kālatēvaṇum / Pencerita dan Tuhan 91
- 2.6.14 கருணையும் காய்ந்து போகும் /Karūṇaiyum kāyntu pōkum / Kekeringan belas kasihan 92
- 2.6.15 பிச்சை பாத்திரம் / Piccai pāttiram/ Kisah seorang Pengemis 93
- 2.6.16 புதுப்பித்த பொழுதுகள் / Putuppitta poḷutukaḷ / Kenangan yang diperbaharui 96
- 2.6.17 நெகிழிப் பூக்கள் /Nekiḷip pūkkaḷ/ Bunga Plastik 96
- 2.6.18 காலம் சுமக்கும் கனவுகள் /Kālam cumakkum kaṇavukaḷ/ dokongan mimpi 96
- 2.6.19 மழைக்கு வெளியே / Maḷaikku veḷiyē / Di luar hujan 97
- 2.6.20 சிவத்தின் சிரிப்போசை / Civattin cirippōcai / Senyuman Dewa Siva 97

2.6.21 உயிர்ப்பு /Uyirppu / Kehidupan	98
2.6.22 நூல் இழைகள்/ Nūl iḷaikaḷ /Daun benang	100
2.6.23 நுட்ப வெளிகள்/ Nuṭpa veḷikaḷ /Ruangan Teknikal	101
2.6.24 சுடுகின்ற மலர்களும் சுமையாகும் காலங்களும் Cuṭukinra malarkaḷum cumaiyākum kālaṅkaḷum / Bunga yang panas dan zaman yang beban	102
2.6.25 உணர்வும் உணர்தலும் / unarvum unarthalum / Perasaan Dan Keinsafan	103
2.6.26 தங்கக் கூட்டில் தாமரை மலர் /Taṅkak kūṭṭil tāmarai malar / Bunga Teratai Dalam Sarang Emas	104
2.6.27 திறவி / Tiravi / Pembuka	104
2.7 Teori-teori Etika	105
2.7.1 Teori Deontologi	107
2.7.1.1 Prinsip Kewajiban	108
2.7.1.2 Prinsip Eksistensialisme	112
2.8 Rumusan	113
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	114
3.2 Rekabentuk Kajian	115
3.3 Kerangka kajian	116
3.4 Kaedah Kajian	116
3.4.1 Kaedah analisis teks	117
3.4.2 Kaedah Kepustakaan	117
3.5 Kerangka teori	119

3.6	Teori Deontologi	120
3.7	Instrumen kajian	121
3.8	Rumusan	122

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	.Pengenalan	123
4.1.1	Kepercayaan kepada Tuhan	124
4.1.2	Baik Hati	125
4.1.3	Berdisiplin	129
4.1.4	Berhemah tinggi	133
4.1.5	Bersopan	135
4.1.6	Rendah diri	138
4.1.7	Berilmu	141
4.1.8	Berusaha	145
4.1.9	Kasih sayang	149
4.1.10	Amanah	157
4.1.11	Bersyukur	161
4.1.12	Kebersihan minda	164
4.1.13	Rumusan	168
4.2	Pengenalan	169
4.2.1	Kepercayaan kepada Tuhan	169
4.2.2	Baik Hati	183
4.2.3	Berdisiplin	199
4.2.4	Berhemah tinggi	206

4.2.5 Bersopan	217
4.2.6 Rendah diri	224
4.2.7 Berilmu	231
4.2.8 Berusaha	238
4.2.9 Kasih sayang	242
4.2.10 Amanah	258
4.2.11 Bersyukur	260
4.2.12 Kebersihan minda	262
4.2.13 Rumusan	266
4.3 Pengenalan	266
4.3.1 Kepercayaan kepada Tuhan	267
4.3.2 Baik Hati	270
4.3.3 Berdisiplin	274
4.3.4 Berhemah tinggi	275
4.3.5 Bersopan	276
4.3.6 Rendah diri	278
4.3.7 Berilmu	280
4.3.8 Berusaha	281
4.3.9 Kasih sayang	282
4.3.10 Amanah	283
4.3.11 Bersyukur	284
4.3.12 Kebersihan minda	284
4.4 Perkaitan cerpen-cerpen Pawai, <i>aram</i> Tirukkural dan Teori Deontologi	286

4.5 Rumusan	295
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	297
----------------	-----

5.2 Perbincangan dapatan kajian	298
---------------------------------	-----

5.3 Cadangan dan kajian lanjutan	303
----------------------------------	-----

5.4 Rumusan	304
-------------	-----

RUJUKAN	306
----------------	------------

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
2.5	Senarai antologi cerpen Pāvai	160
4.1	Pemaparan <i>aram</i> kepe rcayaan kepada Tuhan dalam cerpen - cerpen Pāvai	206
4.2	Pemaparan <i>aram</i> baik hati Tuhan dalam cerpen -cerpen Pāvai	209
4.3	Pemaparan <i>aram</i> berdisiplin dalam cerpen -cerpen Pāvai	214
4.4	Pemaparan <i>aram</i> berhemah tinggi dalam cerpen -cerpen Pāvai	216
4.5	Pemaparan <i>aram</i> bersopan dalam cerpen -cerpen Pāvai	219
4.6	Pemaparan <i>aram</i> rendah diri dalam cerpen -cerpen Pāvai	221
4.7	Pemaparan <i>aram</i> berilmu dalam cerpen -cerpen Pāvai	226
4.8	Pemaparan <i>aram</i> berusaha dalam cerpen -cerpen Pāvai	229
4.9	Pemaparan <i>aram</i> dalam kasih sayang cerpen -cerpen Pāvai	238
4.10	Pemaparan <i>aram</i> amanah dalam cerpen -cerpen Pāvai	241
4.11	Pemaparan <i>aram</i> bersyukur dalam cerpen -cerpen Pāvai	244
4.12	Pemaparan <i>aram</i> kebersihan minda dalam cerpen -cerpen Pāvai	249

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
3.1	Kerangka kajian	197
3.2	Kerangka Teori	200

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengutarakan beberapa perkara penting yang berkaitan langsung dengan kajian, iaitu latar belakang kajian yang membincangkan peranan sastera sebagai wahana komunikasi. Selanjutnya, bab ini juga membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kerangka konseptual kajian, kerangka teori kajian, definisi operasional, batasan kajian dan kepentingan kajian.

Ilmu kesusasteraan merupakan ilmu yang boleh membangunkan aspek kerohanian dalam diri individu. Melalui pembacaan karya-karya sastera dikatakan berkeupayaan untuk membangunkan pemikiran dan keinsanan seseorang itu. Pelbagai masalah sosial



umpamanya boleh dirawat dengan membangunkan rohani manusia itu. Oleh itu ilmu kesusasteraan menjadi medium yang relevan bagi tujuan pembangunan rohani Hasil kesusasteraan bertindak sebagai alat pengintegrasian budaya bagi sesuatu masyarakat. Ia adalah seni yang terpancar daripada daya akal yang tinggi, maka, ia melahirkan penciptaan keindahan dan kemampuan intelek. Hubungan yang bersifat pengintegrasian budaya masyarakat itu hanya akan berhasil dengan wujudnya kesanggupan menghargai dan aspirasi terhadap nilai kesenian, khasnya hasil kesusasteraan (Kamaludin Muhammad, 2006).

Selain berfungsi sebagai hiburan, hasil kesusasteraan juga berperanan sebagai wahana komunikasi bagi menyampaikan budaya daripada masyarakat kepada ahli-ahli masyarakat lain. Oleh itu, hasil kesusasteraan dapat mewarisi budaya dan tamadun sesuatu bangsa dari satu generasi ke satu generasi berikutnya. Keadaan ini membolehkan hasil kesusasteraan bertindak sebagai cermin masyarakat yang merekodkan segala hal yang berlaku dalam kerangka masa tertentu (A.Wahab Ali, 2012).

Menurut K.Dennick-Brecht (2000), budaya merupakan satu sistem yang kompleks yang terdiri daripada pola tingkah laku dan pemikiran sesuatu kumpulan masyarakat. Pengertian ini dibawa oleh beliau dalam kajiannya yang berjudul, 'Study Guide For Anderson And Taylor's Sociology: Understanding A Diverse Society' seperti berikut:-

“Culture is the complex system of meaning and behavior that defines the way of life for a given group or society. Culture that includes ways of thinking (beliefs,



values, knowledge, morals, language, art, laws) as well as patterns of behavior (K.Dennick-Brecht, 2000:38).

Menurutnya lagi, budaya meliputi cara pemikiran manusia tentang kepercayaan, nilai-nilai, pengetahuan, moral, bahasa, seni, undang-undang dan pola tingkah laku yang berdasarkan adat, kebiasaan serta fesyen. Secara rumusannya dapat dikatakan bahawa, budaya wujud daripada dua perkara iaitu cara pemikiran dan pola tingkahlaku. Idea Dennick-Brecht turut disokong oleh Bronislaw Malinowski (1967), yang menyatakan bahawa, barangan, proses teknikal, idea-idea, kebiasaan dan nilai-nilai yang diwarisi oleh sesuatu masyarakat adalah komponen budaya.

Budaya merupakan harta yang berharga dalam kehidupan manusia kerana ia dapat membezakan manusia daripada kehidupan lain di alam ini. Pandangan para sarjana di atas dapat mengukuhkan kepentingan elemen pemikiran sebagai komponen utama dalam budaya. Oleh yang demikian, kajian terhadap pemikiran sesuatu masyarakat dapat membongkarkan tahap perkembangan masyarakat tersebut dalam pelbagai bidang. Dalam hal ini, antara instrumen yang dapat dijadikan sebagai alat bagi kajian terhadap budaya sesuatu masyarakat termasuklah hasil kesusasteraan yang dimiliki oleh mereka. Hal ini adalah kerana, hasil kesusasteraan dapat mengungkit kembali sejarah dan ketamadunan sesebuah masyarakat (Hudson, 1913). Sekiranya sesuatu masyarakat ingin mencapai sistem budaya dan peradaban yang tinggi, maka, mereka harus mengetahui perkembangan budaya manusia dari masa lampau sehingga kini yang dapat dilakukan melalui hasil pengkajian terhadap bahan-bahan kesusasteraan.

Selain mendedahkan kecemerlangan bahasa sesuatu masyarakat, hasil kesusasteraan juga dapat mendedahkan pemikiran yang diwarisi oleh sesebuah masyarakat tersebut. Menurut Rajendran (2002), komponen bahasa dan pemikiran mempunyai satu hubungan perkaitan yang rapat dimana bahasa sebagai alat komunikasi, memainkan peranan yang penting dalam proses memperkembangkan kemahiran berfikir seseorang. Dalam hal ini, hasil kesusasteraan dapat menawarkan peluang untuk mengajar kemahiran berfikir jika bahasa dijadikan wahana yang berkesan (Rajendran, 2000).

Sastera adalah suatu kegiatan kreatif, sesebuah karya seni. Istilah “sastera” paling tepat jika diterapkan dalam seni sastera, iaitu sastera sebagai karya imaginatif. Istilah Inggeris *literature* yang berasal dari perkataan Latin *litera* merujuk kepada karya tulis atau cetak. Perkataan ‘susastera’ pula memberi pengertian yang lebih mendalam dengan penambahan suku kata ‘su’ pada perkataan asalnya sastera. ‘Su’ merupakan perkataan Sanskrit yang bererti indah, halus, merdu, suci, murni dan cantik. Dengan ini, ‘susastera’ bermaksud hasil sastera yang mempunyai unsur keindahan. Perkataan kesusasteraan pula bererti kumpulan yang lebih daripada satu sastera ataupun himpunan ciptaan sastera. Berdasarkan penjelasan ini difahami bahawa kesusasteraan adalah suatu kumpulan karya sastera yang mengandungi unsur keindahan.

Kesusasteraan bukanlah sesuatu yang dihasilkan semata-mata tetapi mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Dalam aspek pelajaran terdapat empat fungsi iaitu memberi pengetahuan; mentafsirkan perkara-perkara yang sudah sedia diketahui umum, tetapi

tidak begitu difahami oleh pembaca; menghidupkan daya imaginasi pembaca dan menghidupkan semangat pembaca.

Manakala dalam aspek hiburan pula terdapat dua fungsi. Pertamanya, memberi ketenangan atau kerehatan fikiran supaya dapat menghilangkan rasa penat selepas bekerja sehari suntuk dan keduanya memberi kepuasan intelektual melalui permainan fikiran dalam bentuk fantasia atau rekaan (Hashim Awang, 1985).

Dengan ini, jelaslah tujuan serampang dua mata kesusasteraan iaitu pelajaran dan hiburan. Di samping itu, kesusasteraan juga menjadi bahan pelajaran yang bertanggungjawab untuk memperlibatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat pada sesuatu zaman.

Pada zaman moden ini, bidang kesusasteraan boleh dikatakan telah berkembang dengan pesatnya dalam pelbagai aspek. Bidang sastera juga mempunyai identitinya tersendiri dan tidak dapat ditolak hakikatnya bahawa karya sastera adalah satu fenomena sosial. Hal ini dapat dilihat dalam semua karya sastera. Pengisian setiap aspek kehidupan manusia dicanai dalam pelbagai genre sastera. Sastera itu adalah kehidupan manusia. Kesusasteraan juga adalah laporan hidup daripada krisis yang dihadapi oleh manusia. Beliau menambah, “sastera secara ringkas adalah rakaman pergolakan lahir dan batin manusia di dalam dunia yang serba mungkin-ertinya boleh dibina menjadi syurga atau dicerna menjadi neraka” (A.Samad Said dalam Abdullah Tahir, 2007).

Menurut pandangan Sasterawan A.Samad Said juga, sastera memberi kita peluang mengalami perasaan suka duka, sedu ketawa, rindu mesra dan segala inti rasa yang pernah dialami oleh manusia sejak dunia wujud. Beliau mengambil contoh kata-kata filsuf Socrates: “Hidup yang tak diperiksa ialah hidup yang sia-sia” (A.Samad Said, 2007). Jadi, bagi beliau sastera adalah pemeriksa hidup kita dan memberi peluang untuk meluaskan pengalaman hidup. Sastera boleh menyedarkan kita betapa terbatasnya kehidupan kita selama ini, betapa sempitnya cita-cita kita, betapa terikatnya tangan kita. Dengan ini jelaslah bahawa sastera selalunya membuka kemungkinan baharu. Menurut Samad lagi, sastera yang menjadi cermin yang mengejek dan mencabar serta mendesak, mendidik kita untuk menjadi manusia yang penuh kesedaran. Dengan ini kita menerima inti kehidupan daripada sastera itu.

Berdasarkan huraian-huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kesusasteraan merupakan kesemua hasil seni yang disampaikan melalui bahasa dan ianya ditujukan kepada khalayak. Khalayak bermaksud pembaca bagi karya yang bertulis atau penonton drama.

1.2 Latar belakang

Kesusasteraan Tamil merupakan salah satu kesusasteraan yang terunggul di dunia yang mengetengahkan pelbagai elemen kehidupan manusia. Budaya Tamil milik khazanah yang besar dan abadikannya kepada tamadun dunia (Zvelebil Kamil, 1975). Menurut



Arnold Toynbee (1976), dalam bukunya 'Mankind and Mother Earth', sejarah menyatakan bahawa pada peringkat awal hanya tiga kesusasteraan telah dihasilkan dan dipelihara iaitu kesusasteraan Cina, kesusasteraan Tamil dan kesusasteraan Yahudi. Kesusasteraan Tamil wujud di Selatan India. Daripada kesemua bahasa Dravida, bahasa Tamil mempunyai sejarah kesusasteraan yang panjang masanya (Stein, Burton, 1977). Kepelbagaian dan kualiti kesusasteraan Tamil klasik telah menggambarkan ianya sebagai salah satu tradisi klasik yang terbesar dalam kesusasteraan dunia. Bahasa Tamil klasik yang dihasilkan mengandungi banyak karya yang menekankan unsur kemanusiaan dan kehidupan sejahtera.

Mengikut Ghadigachalam (2004), perkembangan bahasa dan kesusasteraan Tamil dapat dilihat dalam dua jangka masa iaitu Zaman Sanggam (tahun 500 Sebelum Masihi sehingga 100 tahun sebelum Masihi) dan Zaman Pasca Sanggam (tahun 100 Masihi sehingga 600 tahun Masihi). Zaman Sanggam pula dibahagikan kepada tiga era iaitu Zaman Sanggam Awal, Zaman Sanggam Pertengahan dan Zaman Sanggam Akhir. Setelah Zaman Sanggam ini berakhir, muncul pula zaman kegelapan atau Zaman Pasca Sanggam. Zaman Pasca Sanggam merupakan zaman kegelapan kerajaan-kerajaan Palava dan bahasa Tamil. Ketika inilah bahasa Tamil mula hilang kekuasaan dan pengaruh (Irasamanikanar, 1996).

Pada zaman Pasca Sanggam telah dihasilkan 18 buah karya etika dalam bahasa Tamil yang digelar *Patīṇeṅ kīlkkāṇakku* ataupun *Nīti nūlkaḷ* (Ghadigachalam, 1994).





Patiṇeṅ kīlkkāṇakku bermaksud lapan belas karya kesusasteraan yang berunsurkan nilai-nilai moral, etika dan prinsip hidup manusia. Antaranya adalah *Tirukkural*.

1.2.1 *Tirukkural*

Tirukkural adalah bentuk sajak yang pendek (Ismail Hussien, 1967). ‘Tiru’ maksudnya kekayaan, kesucian dan keutamaan (Singaravelu, 2013). Kural bermaksud kuplet atau puisi pendek (venpa). Di dalam bahasa Tamil, hanya *Tirukkural* adalah puisi pendek yang mengandungi jumlah perkataan yang kurang iaitu tujuh patah perkataan. Baris pertama mengandungi 4 patah dan baris kedua mengandungi 3 patah perkataan. Maka, *Tirukkural* dibentuk dengan menggabungkan kedua-dua perkataan iaitu ‘Tiru’ dan ‘Kural’, yakni Tiru + Kural. (Maraimalaiadigal, 1985).

அகர முதல எழுத்தெல்லாம் ஆதி
பகவன் முதற்றே உலகு (குறள் 1)
Akara mutala eḷuttellām āti = 4 patah perkataan
pakavaṅ mutarrē ulaku = 3 patah perkataan

Kelebihan *Tirukkural* adalah ia dimulakan dengan huruf pertama dalam bahasa Tamil iaitu “a” (அ) dan *Tirukkural* diakhiri dengan huruf “ṅ” (ங) iaitu huruf terakhir dalam bahasa Tamil. Kandungan kuplet tersusun rapi dan setiap kuplet adalah sangat penting dalam struktur keseluruhannya. Dalam *Tirukkural*, setiap kuplet merupakan unit berasingan yang berfungsi dan membawa maksudnya tersendiri. Ini menjadikan



Tirukkural sebagai sebuah karya agung pemberi peraturan hidup kepada orang-orang Tamil (Jagannathan, 2004).

Terdapat pandangan yang berbeza mengenai zaman penerbitan karya *Tirukkural*. Ada penemuan menyatakan *Tirukkural* dikarang antara tarikh 450 - 550 Masihi (Zvelebil, 1975). Ada pula yang menyatakan karya agung ini dihasilkan pada abad ke-6 tahun Masihi. Namun demikian para sarjana Tamil dengan sebulat suara menyatakan zaman Tiruvaḷḷuvar adalah pada tahun 31 sebelum Masihi (Irasamanikanar, 1996). Walau bagaimanapun kerajaan Tamil Nadu telah memutuskan jangka masa penghasilan karya ini ialah 31 tahun sebelum mulanya tahun Masihi (Meenachi Sundaranar, 2005).

Tirukkural dikarang oleh pujangga yang bernama Tiruvaḷḷuvar. Belum ada satu ketepatan tentang tempat kelahirannya. Namun dipercayai Tiruvaḷḷuvar dilahirkan di Mayilai, Tamilnadu (Somasundaranar, 1993). Beliau adalah seorang pujangga yang disegani. Beliau juga digelar dengan pelbagai gelaran seperti Teivap Pulavar, Vaḷḷuvar, Poyyāmolī Pulavar, Senṇa Pōtār, Nāṇa Vettiyaṅ atau Ayyaṅ.

Tiruvaḷḷuvar telah menghasilkan karya yang begitu berharga kepada umat manusia. Tiga perkara utama sangat penting dalam kehidupan setiap insan di dunia telah dinyatakan dalam *Tirukkural* iaitu Kebenaran (*aram*), Kebendaan (*poruḷ*) dan Kebahagiaan (*inṇam*). Kebenaran (*aram*) membawa maksud kebaikan, sifat baik atau sifat murni yang perlu diamalkan dalam setiap tingkah laku. Bahagian ini menekankan lunas-lunas hidup yang harus diamalkan dalam rumah tangga dan alam pertapaan seperti



pertuturan dan pemikiran seseorang individu bagi menghayati dan mengamalkan kehidupan beretika. Bahagian kebendaan (poruḷ) pula, menggariskan usaha manusia untuk mencari kekayaan dan ilmu mengikut lunas-lunas murni demi kehidupan yang sempurna di dunia ini. Akhirnya, bahagian kebahagiaan (inṣam) pula menekankan nilai-nilai hidup yang harus diamalkan oleh setiap individu sebelum berkahwin (kaḷavu vāḷkkai) atau selepas mendirikan rumahtangga (karṣiyal vāḷkkai) bagi menikmati dan menghayati cinta sejati.

Setiap Bahagian mengandungi perincian tertentu. Bahagian *aram* (Kebenaran), terdiri daripada 38 Atikāram (bab) dengan 380 kuplet yang memberi fokus kepada kesyukuran kepada Tuhan, kesyukuran kepada hujan, kebaikan bertapa dan kesanggupan mengamalkan nilai-nilai murni. Manakala, poruḷ (Kebendaan) membincangkan tentang prinsip-prinsip yang perlu diamalkan dalam sesuatu kerajaan, kabinet kerajaan, politik, persahabatan dan aspek terakhirnya ialah campuran beberapa aspek lain yang berkaitan dengan kebendaan. Bahagian ini terdiri daripada 70 Atikāram (bab) dengan 700 kuplet. Bahagian ketiga pula membicarakan tentang inṣam (Kebahagiaan) yang merangkumi 25 Atikāram (bab) dengan 250 kuplet yang membimbing tingkah laku sebelum berkahwin dan peringkat selepas mendirikan rumahtangga. Jumlah keseluruhan kuplet yang dihasilkan dalam *Tirukkuraḷ* adalah 1330.

Nilai etika dan moral yang diutarakan dalam setiap bab merupakan perkara yang harus diikuti oleh setiap manusia untuk menjadi insan yang sempurna (Visvanathan, Ki.Aa.Pee., 1990).



Tirukkural merupakan suatu karya universal yang telah diterjemahkan sekurang-kurangnya dalam 82 bahasa (Venggasalam, 2003). Maka wajarlah apa yang diujahkan oleh Bharathiyar :-

வள்ளுவன் றன்னை உலகினுக்கே தந்த
வான்புகழ் கொண்ட தமிழ்நாடு (குறள் 6)
vaḷḷvan raṇṇai ulakiṇukkē tanta
vāṇpukaḷ koṇṭa Tamil Nādu
(Maraimalaiadigal 1985)

Tamil Nadu sebuah negeri yang melahirkan pujangga yang terunggul iaitu Tiruvaḷḷvar dan beliau telah mengabadikan diri dan penulisannya untuk duniawi.

Secara keseluruhannya, kecemerlangan *Tirukkural* disebabkan oleh tiga ciri utama yang unik. Pertama keupayaan Tiruvaḷḷvar menumpukan pemikiran yang mendalam dalam dua baris pendek jenis Venpa. Sifat kedua merujuk kepada pelbagai aspek usaha manusia iaitu dari kebenaran hingga ke dunia kebahagiaan. Sifat ketiga *Tirukkural* terletak dalam pandangan sekular dan kosmopolitan yang telah diterima oleh manusia secara keseluruhan merentasi bahasa, agama dan negara (Jegannathan, 2004).

1.2.2 Sejarah perkembangan cerpen

Menurut Krishnan Maniam (1993), cerpen muncul dalam dunia sastera Barat pada dekad terakhir kurun ke-19. Selepas itu cerpen mula berkembang ke seluruh dunia. Perkembangan cerpen di Amerika Syarikat bermula pada awal tahun 1819 dan seterusnya



di Perancis, England, Rusia dan sebagainya. Perkembangan cerpen Tamil pula bermula di Tamil Nadu, India. Pada tahun 1894, Natesa Sastry memulakan usaha memperkenalkan cerpen Tamil dengan menerbitkan antologi cerpen tetapi ini merupakan suatu percubaan sahaja. Krishnan Maniam (1993) dalam buku 'Cerpen Tamil dan Melayu' menyatakan, V.V.S Aiyar pada tahun 1927 telah berjaya menerbitkan cerpen berjudul Mankaivarkkaraci Katal Mutaliya Kataikal dan memperkenalkan kepada dunia sastera Tamil serta menjadi titik permulaan sejarah perkembangan cerpen Tamil.

Kesusasteraan Tamil telah mula berkembang di negara ini sejak akhir tahun 1800-an. Setelah golongan masyarakat Tamil mula menetap di negara ini, genre yang paling awal muncul dalam negara ini ialah puisi. Novel dan cerpen pula muncul pada tahun 1920-an. Golongan masyarakat Tamil telah mengalami banyak penderitaan dan dugaan dalam perjuangan hidup di negara ini. Isu-isu seperti penderitaan hidup di ladang-ladang, gejala pembangunan ladang dan isu kewarganegaraan yang menindas masyarakat India telah memberikan kesan yang mendalam kepada mereka. Mereka dibawa masuk oleh penjajah untuk memajukan ekonomi mereka di negara ini, tetapi mereka diberi layanan yang buruk sehingga terpaksa hidup dalam keadaan tertindas.

Cerpen ialah genre sastera yang paling popular dalam kesusasteraan moden sejak abad ke-18. Namun, pada abad ke-20 sahaja cerpen Tamil yang berasaskan tatabahasa mula diterbitkan. Cerpen mencerminkan latar belakang sesebuah masyarakat dan berperanan dalam menghuraikan kehidupan masyarakat dengan menokoh tambah unsur-unsur keindahan alam (Baskaran.N, 1995).



Lazimnya cerpen berasaskan satu tema utama bersama beberapa persoalan yang dapat dibaca dalam lingkungan masa dari tiga puluh minit hingga sejam. Kebiasaannya cerpen perlu ringkas berbanding novel. Perwatakan yang wujud dalam cerpen boleh mewakili seorang atau lebih ramai. Melalui cerpen, pengarang berpeluang menyampaikan segala unsur yang berkaitan dengan isu-isu dan maklumat tentang masalah sosial, ekonomi dan politik. Bahasa yang mudah difahami inilah menyebabkan para pembaca lebih menumpukan perhatian kepada cerpen. Penghasilan karya dengan bahasa yang mudah menjadi faktor tarikan kepada para pembaca yang gemar membaca cerpen berbanding dengan karya yang lain.

1.3 Pernyataan Masalah

Manusia adalah insan yang mengamalkan tanggungjawab berdasarkan lunas-lunas agama. Namun ada insan yang gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Sekiranya seseorang insan itu gagal membentuk keinsanan, maka impak yang negatif dalam diri akan terserlah. Muhammad Naim Yasin (2001), menyatakan segala masalah manusia yang timbul dalam masyarakat adalah disebabkan manusia tidak mematuhi al-Haq, iaitu satu dasar yang tetap yang ditentukan dan diatur oleh Allah.

Menurut Tajul Ariffin Noordin (1993), masyarakat barat pada hari ini menerima konsep hidup bersendirian (individualisme) dan mereka percaya bahawa untuk berjaya setiap individu perlu bersifat kebendaan (materialistik). Namun bagi masyarakat majmuk



di Malaysia, budaya ini telah mencatatkan pembangunan negara. Salah satu sebab berlakunya gejala negatif ini kerana nilai kemanusiaan kurang dipupuk. Kesannya keharmonian peribadi, rumahtangga dan keluarga sudah tidak wujud. Kebanyakan sekolah tidak berfungsi lagi untuk mendidik keperibadian mulia dan telah gagal untuk memberikan pelajaran yang berguna secara seimbang dari sudut fizikal, emosi, intelektual dan rohani (Abdul Salam, 2004).

Manusia pada hari ini, hidup dalam keadaan terpesong akidah dan tenggelam dalam arus pembangunan yang berteraskan hawa nafsu. Kesan daripada keadaan ini, banyak berlaku gejala sosial seperti rogol, tipu-menipu, jenayah domestik dan rasuah. Ketamakan manusia mendorong banyak nyawa terkorban, kemusnahan harta benda dan berlaku porak-peranda.



Karya *Tirukkural* yang dikarang oleh Thiruvalluvar merupakan teks etika klasik Tamil yang mengandungi prinsip-prinsip *aram* (kebenaran) yang telah mempengaruhi pemikiran dan budaya masyarakat Tamil selama berabad-abad. Kajian-kajian terdahulu telah banyak membincangkan nilai-nilai *aram* dalam konteks falsafah, agama, dan pengajian klasik Tamil, namun terdapat jurang yang ketara dalam penyelidikan tentang bagaimana prinsip-prinsip ini dimanifestasikan dalam karya sastera kontemporari khususnya dalam genre cerpen.

Walaupun terdapat beberapa kajian yang menganalisis pengaruh *Tirukkural* dalam puisi dan novel Tamil moden, aspek pemindahan dan adaptasi prinsip-prinsip *aram* dalam



genre cerpen masih belum diterokai secara mendalam. Antologi cerpen Pāvai menawarkan peluang unik untuk mengkaji fenomena ini, namun setakat ini, tiada kajian khusus yang menganalisis bagaimana antologi cerpen Pāvai menginterpretasikan, mengadaptasikan, dan mengkontekstualisasikan nilai-nilai *aram* dalam situasi kehidupan kontemporari.

Selain itu, terdapat jurang dalam pemahaman mengenai bagaimana nilai-nilai tradisional seperti yang terkandung dalam *Tirukkural* boleh terus relevan dalam masyarakat yang semakin moden dan globalisasi. Kajian lepas yang membahaskan perubahan nilai dalam sastera Tamil moden sering tertumpu pada aspek perubahan sosial secara umum. Analisis khusus tentang kesinambungan dan transformasi nilai-nilai *aram* seperti kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, kesyukuran, kejujuran, kasih sayang, berilmu dan sebagainya dalam karya sastera kontemporari.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menganalisis secara sistematik dan mendalam bagaimana prinsip-prinsip *aram* dari *Tirukkural* dimanifestasikan dalam antologi cerpen Pāvai. Ia akan meneliti strategi naratif dan teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang untuk menterjemahkan nilai-nilai tradisional dalam konteks semasa, serta implikasi pendekatan ini terhadap pemeliharaan dan pengembangan nilai-nilai etika Tamil dalam masyarakat moden yang sedang berubah pesat.

Tirukkural telah mendidik cara menangani sesuatu masalah melalui kupletnya. Setiap unsur dalam *Tirukkural* memberi kesedaran kepada umat manusia sejagat. Ia bertujuan membimbing manusia ke arah nilai moral, hidup beretika dan berguna di dunia ini dan akhirat (Mohanraj, 1987). Ciri paling penting dalam *Tirukkural* ialah, ia adalah sekular dan semula jadi, universal dan sesuai untuk masyarakat di mana-mana sahaja dan mengandungi mesej menrentasi masa.

Nilai-nilai yang disarankan dalam *Tirukkural* harus dijadikan pedoman hidup supaya dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri individu. Nilai universal *Tirukkural* ini sepatutnya diperluas kepada masyarakat dunia. Namun perluasan nilai universal *Tirukkural* ini kurang dilakukan kerana pembacaan dan penghayatan terhadap *Tirukkural* masih belum mantap lagi.

‘walaupun nilai-nilai murni unggul karya *Tirukkural* dapat diterima serta diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat tetap keberkesanan menyeluruh masih dipersoalkan berikutan dengan beberapa masalah sosial yang masih belelusa dalam kalangan masyarakat Tamil’ (Mohan Kumar, 2014).

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa satu kajian yang berkaitan dengan penerokaan pengaplikasian nilai-nilai *Tirukkural* dalam genre-genre lain perlu dilakukan. Lantas pengkaji membuat keputusan untuk mengkaji nilai-nilai *Tirukkural* yang terpapar dalam antologi cerpen Pāvai. Ini akan membuka ruang kepada pengemar genre-genre lain menghayati secara tidak langsung nilai-nilai *Tirukkural* dan memahami situasi penggunaannya.

Di Tamil Nadu, banyak kajian telah dibuat berdasarkan karya *Tirukkural*. Di negara Malaysia, kajian *Tirukkural* adalah di peringkat awal dan hanya beberapa kajian sahaja telah dibuat. Sehingga kini, para penyelidik telah membuat banyak kajian berdasarkan skop yang berlainan. Sebilangan sarjana hanya melihat *Tirukkural* dari aspek etika dan nilai-nilai murni sahaja tetapi masih tiada kajian dari sudut meneroka pengaplikasian *aram Tirukkural* dalam genre-genre lain seperti cerpen. Menyedari hakikat ini, pengkaji berpendapat suatu kajian mengenai pengaplikasian nilai-nilai *Tirukkural* dalam antologi cerpen Pāvai perlu dikupas untuk memperkembangkan pengetahuan dan keunikan *Tirukkural*, bukan sahaja kepada masyarakat Tamil malahan masyarakat dunia.

Kesusasteraan memaparkan sejarah perkembangan sesuatu bahasa. Perkembangan kesusasteraan sesuatu bahasa menunjukkan kematangan dan keutuhan bahasa tersebut. Oleh itu, ahli bahasa menentukan usia sesuatu bahasa berdasarkan hasil kesusasteraan klasik yang terdapat dalam bahasa tersebut. Sememangnya, bahasa Tamil kaya dengan berpuluh-puluh karya klasik yang berusia lebih daripada 2000 tahun. Oleh itu, kelebihan dan kematangan kesusasteraan Tamil seharusnya perlu disanjung dan dihayati sepenuhnya oleh golongan yang berjiwa sastera (M. Ramaiah, 1976). Bagi menjiwai keunikan *Tirukkural* penerokaan terhadap pengaplikasian nilai-nilai *Tirukkural* dalam genre-genre lain amat diperlukan.

Satu lagi faktor yang mendorong pengkaji menjalankan kajian terhadap pengaplikasian Prinsip-prinsip *aram* berdasarkan *Tirukkural* dalam antologi cerpen Pāvai

adalah kerana Mohan Kumar (2014), dalam tesis PhDnya mencadangkan agar kajian lanjutan berkaitan dengan *Tirukkural* dapat dilaksanakan dengan melihat perkaitan atau perbandingan dengan karya-karya lain. Pengkaji merasakan tajuk yang dipilih amat sesuai dilaksanakan sebagai kajian lanjutan seperti yang disarankan.

Antologi (Tiravi) cerpen Pāvai dipilih sebagai bahan kajian adalah kerana beliau merupakan penulis wanita yang terunggul di Malaysia. Karya-karya beliau mendapat pelbagai anugerah dan cerpen-cerpennya telah memenangi banyak hadiah. Kemenangan yang diraih oleh Pāvai sudah semestinya berdasarkan intipati cerpennya yang agak menarik namun intipati tersebut tidak dikaji secara menyeluruh untuk melihat penggarapan ideanya dari pelbagai sumber khususnya *Tirukkural*. Maka kajian terkini bercadang untuk meneliti Prinsip-prinsip *aram* berdasarkan *Tirukkural* dalam antologi cerpen Pāvai.

Tambahan pula, Balu, S. (2007) dalam tesis sarjananya yang berjudul 'Cerpen Karya Puspaleelavathy (Pāvai): Satu Kajian Tema', mendapati tema-tema yang dikemukakan oleh cerpenis agak berlainan. Tema-tema yang dipilih oleh cerpenis wanita ini agak unik dan jarang diketengahkan oleh cerpenis lain. Keunikan ini mengukuhkan kehebatan karya-karya beliau yang mendapat sambutan dalam kalangan pembaca. Kajiannya mendapati bahawa gambaran warisan masyarakat melalui cerpen telah menjadi suatu tradisi karyawan sehingga hari ini. Dengan itu, Pāvai yang ingin akan perubahan dalam sistem sosial masyarakat India telah menyentuh aspek sosial dalam kebanyakan karya yang dihasilkannya.

Kajian di atas membuktikan bahawa Pāvai ialah seorang penulis tersohor yang telah menghasilkan banyak hasil karya sastera. Cerpenis Pāvai merupakan seorang pengarang yang berpengalaman dan berjaya merentasi beberapa zaman dalam kalangan penulis Tamil dengan mencipta nama dalam persada sastera Tamil tanah air. Hasil karya sastera beliau terdiri daripada kumpulan cerpen, novel dan sajak. Karya ciptaan beliau berpotensi memaparkan pelbagai emosi masyarakat India berketurunan Tamil.

Maka, boleh disimpulkan bahawa, setakat ini belum ada sebarang kajian yang lengkap yang memperlihatkan prinsip-prinsip *aram* berdasarkan *Tirukkuraḷ* dalam antologi (Tiravi) cerpen Pāvai di Malaysia. Oleh yang demikian, pengkaji ingin membuka lembaran baharu dalam penyelidikan kesusasteraan Tamil Malaysia dengan mengkaji Prinsip-prinsip *aram* berdasarkan *Tirukkuraḷ* dalam antologi (Tiravi) cerpen Pāvai.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian bagi kajian bertajuk prinsip-prinsip *aram* *Tirukkuraḷ* dalam antologi cerpen Pāvai adalah:

- i. Mengenalpasti prinsip-prinsip *aram* *Tirukkuraḷ* dalam antologi (Tiravi) cerpen Pāvai.
- ii. Menganalisis prinsip-prinsip *aram* *Tirukkuraḷ* dalam antologi cerpen (Tiravi) Pāvai.

- iii. Mengupas kekuatan prinsip-prinsip *aram Tirukkural* terhadap perjalanan cerita dalam antologi cerpen (Tiravi) Pāvai.

1.5 Soalan Kajian

Pengkaji mengemukakan tiga persoalan kajian seperti berikut.

- i. Apakah prinsip-prinsip *aram Tirukkural* yang terdapat dalam antologi cerpen (Tiravi) Pāvai.
- ii. Bagaimanakah prinsip-prinsip *aram Tirukkural* dipaparkan dalam antologi cerpen (Tiravi) Pāvai.
- iii. Bagaimanakah prinsip-prinsip *aram Tirukkural* memberi kekuatan terhadap perjalanan cerita dalam antologi cerpen (Tiravi) Pāvai.

1.6 Definisi Operasional

Bagi memastikan perbincangan pengkaji selaras dengan objektif, beberapa kata frasa akan didefinisikan dan dihuraikan berdasarkan konsepnya. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep bagi memudahkan pembaca memahami kandungan kajian tersebut.

1.6.1 *Tirukkural*

Tirukkural merupakan sebuah karya klasik Tamil yang dikarang oleh Thiruvalluvar, seorang penyair dan ahli falsafah Tamil yang hidup sekitar abad pertama hingga ketiga Masihi. Kitab ini dianggap sebagai salah satu daripada karya sastera Tamil terpenting dan merupakan khazanah intelektual yang telah bertahan ribuan tahun.

Tirukkural terdiri daripada 1,330 kural (kuplet pendek) yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama yakni *aram* (அறம்) yang membawa maksud kebenaran Moral. Bahagian pertama ini mengandungi 380 kural yang membincangkan prinsip-prinsip etika dan moral dalam kehidupan peribadi dan awam. Ia merangkumi topik-topik seperti kebajikan dan sifat mulia, kehidupan berkeluarga, persahabatan, kesabaran dan kesederhanaan, memberi dan membantu orang lain dan integriti dan kejujuran.

Bahagian kedua merujuk kepada *Porul* (பொருள்) yang membawa maksud kekayaan atau kemakmuran. Bahagian kedua ini mengandungi 700 kural yang membincangkan hal-hal berkaitan politik, ekonomi, dan pembangunan masyarakat, yakni kualiti kepimpinan, pentadbiran dan pemerintahan, strategi ketenteraan, pengurusan sumber dan perdagangan serta kemakmuran.

Bahagian ketiga adalah *Inbam* (இன்பம்) yang merujuk kepada cinta atau kebahagiaan. Bahagian ketiga ini mengandungi 250 kural yang membincangkan aspek

cinta dan hubungan manusia, termasuk cinta antara lelaki dan perempuan, keindahan cinta serta perpisahan dan kerinduan.

Ajaran *Tirukkural* bersifat universal dan tidak terikat dengan mana-mana agama, walaupun beberapa bahagiannya mencerminkan unsur-unsur falsafah Jaina, Buddha, dan Hindu. Aspek yang paling menonjol dalam *Tirukkural* adalah sifatnya yang pragmatik dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian tanpa mengira latar belakang agama atau budaya.

Prinsip-prinsip *aram* dalam *Tirukkural* sangat menekankan nilai-nilai universal seperti, anpu (அன்பு), kasih sayang dan belas kasihan terhadap semua makhluk. Prinsip Vāymai (வாய்மை) pula merujuk kepada kejujuran dan kebenaran. Yang ketiga pula adalah Purānkūrāmai (புறங்கூறாமை) yang membawa maksud tidak mengumpat. Seterusnya, Porai (பொறை) merujuk kepada kesabaran dan toleransi. Alukāmai (அழகாமை) pula membawa maksud bebas daripada kedengkian dan iri hati, Īkai (ஈகை) merujuk kepada kedermawanan dan sikap memberi dan Ceyyunaṅṅi arital membawa maksud (செய்யுநன்றி அறிதல்) berterima kasih dan mengenang budi.

Tirukkural terus mempengaruhi sastera, falsafah, dan budaya Tamil hingga ke hari ini. Ia juga telah diterjemahkan ke dalam lebih dari 100 bahasa di seluruh dunia. Ajaran-ajarannya yang universal dan 'timeless' sering digunakan sebagai rujukan dalam

kehidupan seharian, pendidikan moral, dan pembangunan sahsiah, serta telah mempengaruhi banyak karya sastera Tamil termasuk karya-karya kontemporari.

1.6.2 Cerpen

Pelbagai definisi diberi terhadap perkataan cerpen. Namun kesemua definisi tersebut boleh disimpulkan kepada satu pengertian yang mantap dalam pemahaman terhadap cerpen. Cerpen ialah sepatah akronim (singkatan dua patah perkataan) yang dibentuk daripada kata cerita dan pendek. 'Cer' daripada kata cerpen dan 'pen' daripada pendek. Dalam bahasa Inggeris karya sastera genre ini dinamai 'short story'. Dari segi kriteria, keperluan, acuan dan teknik atau kaedah penulisan karya pada penelitian penulis, antara cerpen dan 'short story' sama sahaja. Cerita ialah cerpen tetapi semua cerpen harus ada cerita. Cerita itu mesti diwujudkan dalam bentuk kisah atau pengisahan atau penceritaan. Pada perspektif yang lebih definitif, berfokus dan bernilai sastera dalam konteks sesebuah cerpen.

Cerpen merupakan satu bentuk karya sastera yang menawarkan suatu model pemikiran yang menceritakan suatu peristiwa biasa atau luar biasa yang pernah terjadi atau mungkin akan dialami oleh manusia melalui tokoh-tokoh cerita. Kejadian atau peristiwa yang luar biasa itu sentiasa diikuti oleh konflik-konflik yang membentuk suatu alur cerita. Melalui alur itulah penulis mengatur tema cerita, plot, watak, gambaran suasana peristiwa, gambaran tempat terjadinya peristiwa dan klimaks cerita.



Definisi-definisi di atas menjelaskan bahawa cerpen adalah cerita pendek yang membawa pelbagai peristiwa dengan watak yang terhad. Lazimnya cerpen ada permulaan, klimaks dan peleraian. Walau pun panjang sesuatu cerpen itu tidak dapat ditentukan dengan tepat namun dianggarkan sesuatu cerpen itu terdiri daripada 5000 hingga 10 000 patah perkataan. Jangkamasa masa pembacaan sesuatu cerpen itu adalah di antara 20 minit hingga 1jam, atau lebih dikenali sebagai ‘sekali duduk’.

Elemen-elemen penting dalam cerpen termasuklah plot, watak, latar, tema, sudut pandangan, konflik, serta simbolisme dan motif. Plot merupakan urutan peristiwa yang membentuk cerita, biasanya mengandungi pengenalan, konflik, klimaks, dan penyelesaian. Watak pula merujuk kepada individu yang terlibat dalam cerita dengan watak utama (protagonis) sering mengalami perkembangan atau perubahan sepanjang cerita. Latar cerpen meliputi tempat dan masa di mana cerita berlaku, termasuk persekitaran fizikal, latar sosial, dan atmosfera. Tema adalah idea atau mesej pusat yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Sudut pandangan merujuk kepada perspektif daripada mana cerita diceritakan, sama ada orang pertama, orang ketiga terhad, atau orang ketiga serba tahu. Konflik pula merupakan pergolakan atau perjuangan yang dihadapi watak, boleh berbentuk dalaman (dalam diri watak) atau luaran (dengan watak lain atau persekitaran). Manakala simbolisme dan motif adalah objek, tindakan, atau idea yang mewakili makna yang lebih mendalam dalam sesebuah cerpen.

Terdapat pelbagai jenis cerpen yang boleh dikategorikan berdasarkan tema dan pendekatan penceritaan. Antaranya termasuklah cerpen realistik yang menggambarkan



kehidupan sehari-hari dengan cara yang realistik, cerpen seram atau misteri yang bertujuan membangkitkan rasa ketakutan atau ketegangan, cerpen sains fiksi yang mengeksplorasi tema saintifik dan teknologi masa depan, cerpen sejarah yang berlatar belakangkan tempoh sejarah tertentu, cerpen sosial yang mengkritik atau menganalisis isu-isu sosial, dan cerpen simbolik yang menggunakan simbol-simbol untuk menyampaikan mesej yang lebih mendalam. Cerpen merupakan wadah yang kuat untuk menyampaikan idea, meneroka emosi manusia, mempersoalkan nilai-nilai sosial dalam format yang mudah diakses.

1.6.3 *Aram*

Aram merujuk kepada istilah akhlak yang berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan 'khuluq' yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Berdasarkan pengertian ini, akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah atau agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang. (Asmawati Suhid, Abdul Rahman Md. Aroff, 2004). Akhlak juga diberi erti sebagai perangai atau tabiat kerana ia dimiliki oleh individu sejak lahir lagi. Selain itu, definisi yang diberi oleh al-Ghazali bahawa akhlak ialah satu gambaran daripada keadaan dalam diri yang telah sebatu, yang daripadanya lahir tingkah laku yang mudah dicerna tanpa memerlukan pengulangan.



Mengikuti Imam al-Ghazali, akhlak bukan perbuatan lahir kerana mungkin seseorang itu sifatnya pemurah tetapi tidak menderma kerana sebab-sebab kewangan atau sebagainya. Sebaliknya mungkin pula seseorang yang bersifat kedekut itu menderma untuk dipuji orang. Selain itu, pandangan beliau lagi adalah akhlak bukan ilmu atau pengetahuan tentang kebaikan dan keburukan dan beliau bertegas bahawa akhlak itu suatu tabiat peribadi yang menentukan corak tindak tanduk seseorang dalam hidupnya (Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, 2011).

Menurut Haidt, 2012 “Moral principles indicate what is a “good,” “virtuous,” “just,” “right,” or “ethical” way for humans to behave”. Morality indicates what is the “right” and “wrong” way to behave, for instance, that one should be fair and not unfair to others (Haidt & Kesebir, 2010).



Aram (அரம்) adalah konsep etika fundamental dalam budaya dan filsafat Tamil klasik yang secara umum diterjemahkan sebagai "kebajikan" atau "kebenaran moral". Konsep ini merupakan salah satu dari empat puruṣārtha (tujuan hidup) dalam tradisi Tamil, bersama dengan Poruḷ (kemakmuran), Inbam (kesenangan), dan Vīḍu (pembebasan spiritual). *Aram* mendapat kedudukan istimewa dalam literatur Tamil klasik, khususnya dalam karya terkenal Tirukkural oleh *Tiruvalluvar*, di mana bahagian pertama karya tersebut sepenuhnya didedikasikan untuk membahas prinsip-prinsip *aram*.

Dalam konteks praktisnya, *aram* mencakupi pelbagai nilai etika seperti kejujuran, integriti, keadilan sosial, tanggung jawab terhadap keluarga dan masyarakat,





pengendalian diri, belas kasih, serta ketulusan dalam fikiran, kata, dan perbuatan. Konsep ini dibahagi menjadi dua aspek utama: *Illaram* (இல்லறம்) yang berkaitan dengan kebajikan dalam kehidupan berumah tangga, dan *Thuravaram* (துறவறம்) yang berfokus pada kebajikan dalam kehidupan spiritual atau pertapaan.

Meskipun berakar pada tradisi kuno, prinsip-prinsip *aram* tetap relevan dalam masyarakat Tamil modern sebagai panduan etika dalam pengambilan keputusan dan perilaku sosial. Konsep ini menekankan keseimbangan antara tanggung jawab individual dan kolektif, menawarkan kerangka etika holistik yang bertujuan menciptakan masyarakat yang harmonis dan individu yang berbudi luhur. Dengan demikian, *aram* bukan sekadar konsep filosofis abstrak, melainkan panduan praktis untuk menjalani kehidupan yang bermakna dan beretika dalam tradisi Tamil. Huraian - huraian di atas menjelaskan bahawa *aram* merujuk kepada tingkah laku terpuji yang dapat membezakan yang baik dan buruk. Nilai ini juga diklasifikasikan sebagai prinsip, cita-cita, standard kehidupan yang bertindak sebagai panduan umum kepada tingkah laku atau sebagai rujukan dalam membuat keputusan atau penilaian kepercayaan atau tindakan yang berkait rapat dengan integriti peribadi dan identiti peribadi.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian sangat penting bagi memastikan supaya kajian yang dijalankan dapat menuju ke hala tuju tepat tanpa keluar daripada tajuk perbincangan. Berdasarkan tesis



yang bertajuk “Prinsip-prinsip *aram* berdasarkan *Tirukkural* dalam antologi cerpen Pāvai, pengkaji cuba menganalisis pelbagai nilai *Tirukkural* yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen Pāvai yang diterbitkan dalam antologi cerpen bertajuk *Tiravi* (திறவி). Dengan ini, pengkaji dapat mengenal pasti ruang lingkup yang jelas, teratur dan tepat supaya tidak terpesong daripada persoalan yang menjadi asas kajian. Dalam kajian ini juga, prinsip deontology Immanuel Kant iaitu Prinsip Kewajipan dan Prinsip Eksistensialisme digunakan. Pendekatan ini mempertimbangkan aspek nilai yang wujud, sama ada secara konkrit atau abstrak dalam karya sastera. Kajian ini berfokus pada nilai-nilai *Tirukkural* yang dipaparkan dalam antologi cerpen Pāvai. Kedua-dua prinsip ini dianalisis secara mendalam untuk memahami teks yang dikaji dalam penyelidikan ini.

Kajian ini dibataskan kepada *Tirukkural* serta sebuah antologi cerpen hasil karya Pāvai yang memuatkan 27 buah cerpen yang bertajuk *Tiravi* (திறவி). Segala proses penganalisan data adalah berdasarkan dua sumber yang dinyatakan di atas. Teori yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah Teori Deontologi oleh Immanuel Kant.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini yang meninjau dan menganalisis *aram Tirukkural* dalam antologi cerpen Pāvai dengan menggunakan Teori Deontologi Immanuel Kant dijalankan julung kali dengan menggunakan cerpen Tamil sebagai bahan kajian. Oleh itu, kajian ini dapat mengisi kelompongan yang wujud berkaitan dengan *aram Tirukkural* dalam kajian sastera Tamil.

Kajian ini juga dapat meningkatkan kesedaran, pemahaman dan penghayatan para cerpenis tentang peranan *aram Tirukkural* dalam cerpen-cerpen Tamil. Hasil kajian dapat mengingatkan mereka bahawa *Tirukkural* dalam cerpen-cerpen Tamil merupakan suatu pendekatan efektif untuk menyampaikan sesuatu mesej atau pesanan kepada pembaca.

Di samping itu, kajian ini juga membantu para pengkaji, penulis muda dan baharu serta pembaca mengenali lebih mendalam akan Tiruvalluar sasterawan terunggul dan penulis Pāvai yang merentasi beberapa zaman dan berpengalaman luas dalam bidang kesusasteraan. Beliau merupakan seorang penulis prolific yang pernah menerima pelbagai anugerah dan penghargaan dan masih bergiat aktif dalam bidang penulisan.

Selain itu, beliau telah dapat menonjolkan diri dalam bidang penulisan walaupun tidak berpendidikan tinggi. Di samping itu, cerpenis Pāvai dilihat agak istimewa kerana hasil karyanya bukan sahaja tersiar dalam pelbagai wadah penerbitan tempatan, malah turut memenangi anugerah dan hadiah dalam pelbagai sayembara peringkat kebangsaan.

Kajian ini juga akan menyumbang kepada perkembangan tafsiran cerpen dan *Tirukkural* dalam dunia akademik bahasa Tamil. Hal ini adalah kerana, dunia akademik memiliki garis panduan yang standard bagi menilai dan menganalisis sebarang hasil kesusasteraan. Seterusnya, kajian ini juga dapat memberikan input yang betul bagi generasi muda dalam proses mengenal dan memahami nilai-nilai *Tirukkural* dan kehebatan pemikiran cerpenis Pāvai dalam karyanya. Pemahaman ini penting untuk generasi akan datang sebagai penyambung warisan budaya bagi mengekalkan budaya

yang bersifat cemerlang. Pendedahan ilmu dalam bidang ini dapat menaikkan imej dalam kalangan generasi muda terhadap *Tirukkural* serta genre cerpen.

1.9 Rumusan

Secara amnya, penyelidik telah menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian dan kepentingan kajian berdasarkan tajuk kajian. Penyelidik juga telah menyatakan objektif-objektif kajian, persoalan kajian yang dijawab melalui dapatan kajiannya. Selain itu, penyelidik juga menyatakan bagaimana dapatan kajian ini memberikan manfaat kepada pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan terhadapnya. Batasan kajian dan definisi operasional juga turut dibincangkan dalam bab ini.